



MALAYSIA

**Warta Kerajaan**  
SERI PADUKA BAGINDA  
DITERBITKAN DENGAN KUASA  
*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*  
*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 34  
No.13

**21hb**

**Jun**

**1990**

*TAMBAHAN*  
*No.4*

---

---

**RANG UNDANG-UNDANG**

Rang Undang-undang yang berikut telah dibentangkan dalam Parlimen adalah diterbitkan untuk makluman umum:

The following Bills introduced into Parliament are published for general information:

Akta Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand 1990—  
*(Dibentangkan dan dibaca bagi kali pertama dalam Dewan Rakyat pada 18hb Jun 1990).*

Malaysia-Thailand Joint Authority Act 1990—*(Presented and read a first time in the Dewan Rakyat on 18th June 1990),*

Akta Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990—*(Dibentangkan dan dibaca bagi kali pertama dalam Dewan Rakyat pada 19hb Jun 1990).*

Workers' Minimum Standards of Housing and Amenities Act 1990—*(Presented and read a first time in the Dewan Rakyat on 19th June 1990).*

# D.R. 34/90

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

## RANG UNDANG-UNDANG PIHAK BERKUASA BERSAMA MALAYSIA-THAILAND 1990

### SUSUNAN FASAL

#### BAHAGIAN I

##### PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.

#### BAHAGIAN II

##### PIHAK BERKUASA BERSAMA MALAYSIA-THAILAND

3. Penubuhan Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand.
4. Kuasa-kuasa dan fungsi-fungsi Pihak Berkuasa Bersama.
5. Carigali dan eksploitasi sumber-sumber alam.

#### BAHAGIAN III

##### KAWASAN PEMBANGUNAN BERSAMA

6. Kawasan Pembangunan Bersama.

#### BAHAGIAN IV

##### ROYALTI

7. Royalti.

#### BAHAGIAN V

##### PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KEWANGAN

8. Kos, faedah dan bayaran tahunan.

#### BAHAGIAN VI

##### KUMPULAN WANG PIHAK BERKUASA BERSAMA MALAYSIA-THAILAND

9. Penubuhan Kumpulan Wang.
10. Penggunaan Kumpulan Wang.
11. Kumpulan wang rizab.

## Fasal

12. Sekatan atas urusan kewangan.
13. Liabiliti Pihak Berkuasa Bersama bukan tanggungjawab Kerajaan-Kerajaan.

## BAHAGIAN VII

## KONTRAK BAGI CARIGALI DAN EKSPLOITASI

14. Larangan mencarigali atau mengeksploitasikan sumber-sumber alam tanpa kontrak.

## BAHAGIAN VIII

## PERATURAN-PERATURAN

15. Kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan.

## BAHAGIAN IX

PEGAWAI-PEGAWAI DAN BIDANG KUASA  
MAHKAMAH-MAHKAMAH

16. Pengkhidmat awam.
17. Bidang kuasa Mahkamah.

## BAHAGIAN X

## BIDANG KUASA

18. Bidang kuasa ke atas Kawasan Pembangunan Bersama.

## BAHAGIAN XI

## HAK-HAK DI PERAIRAN SUPERJASEN

19. Hak, kebebasan atau keistimewaan di perairan superjasen.

## BAHAGIAN XII

## KESALAHAN-KESALAHAN DAN PENALTI-PENALTI

20. Pelanggaran subseksyen (1) seksyen 14.
21. Kesalahan-kesalahan lain.
22. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan.
23. Pengarah dan pegawai pertubuhan perbadanan boleh dipertuduh bersesama dengan pertubuhan perbadanan.
24. Penalti bagi kesalahan kerana apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan oleh ejen.

## BAHAGIAN XIII''

## AM

25. Akta ini mengatasi undang-undang lain.
26. Penguasaan dan pengawalan Akta ini.  
JADUAL.

## RANG UNDANG-UNDANG

*b e r n a m a*

Suatu Akta bagi memberikan kuatkuasa kepada perjanjian mengenai penubuhan dan pengendalian Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand dan bagi membuat peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengannya.

[ ]

BAHAWASANYA menurut Memorandum Persefahaman di antara Malaysia dengan Kerajaan Thailand mengenai Penubuhan suatu Pihak Berkuasa Bersama bagi Mengeksploitasikan Sumber-sumber Dasar Laut dalam Kawasan Tertentu di Pelantar Benua Kedua-dua Negara di Teluk Siam bertarikh 21 Februari 1979, Perjanjian mengenai Perlembagaan dan Perkara-Perkara Lain yang Berhubungan dengan Penubuhan Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand telah ditandatangani pada 30 Mei 1990, di Kuala Lumpur, Malaysia, di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Thailand;

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

## BAHAGIAN I

## PERMULAAN

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand 1990.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tafsiran.

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"garis pembahagi bidang kuasa" ertinya garis Jurus yang menyambungkan titik-titik koordinat yang berikut:

(A) U6°50'.0 T 102°21'.2;

(X) U7 35'.0 T 103° 23'.0

yang membahagikan bidang kuasa sivil dan jenayah dalam Kawasan Pembangunan Bersama;

"Kawasan Pembangunan Bersama" ertinya kawasan tertentu di pelantar benua Malaysia dan Thailand di Teluk Siam yang diperihalkan di bawah seksyen 6;

"Kerajaan-Kerajaan" ertinya Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Thailand;

"Kumpulan Wang" ertinya Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand yang disebut di bawah seksyen 9;

"Memorandum Persefahaman, 1979" ertinya Memorandum Persefahaman di antara Malaysia dengan Thailand mengenai Penubuhan suatu Pihak Berkuasa Bersama bagi Mengeksploitasikan Sumber-Sumber Dasar Laut dalam Kawasan Tertentu di Pelantar Benua Kedua-dua Negara di Teluk Siam, yang ditandatangani pada 21 Februari, 1979;

"Menteri" ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi petroleum;

"Perjanjian" ertinya Perjanjian mengenai Perlembagaan dan Perkara-Perkara Lain yang Berhubungan dengan Penubuhan Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand yang ditandatangani oleh Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Thailand pada 30 Mei 1990, di Kuala Lumpur, Malaysia;

"petroleum" ertinya apa-apa minyak mineral atau hidrokarbon relatif dan gas asli yang terdapat dalam keadaan semula jadinya dan spirit petroleum kepala selongsong, termasuk syal bitumin dan longgokan-longgokan berstrata lain yang daripadanya minyak boleh didapati;

"Pihak Berkuasa Bersama" ertinya Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand;

"sumber-sumber alam" ertinya apa-apa sumber alam tak hidup termasuk apa-apa mineral, minyak mineral dan logam.

## BAHAGIAN II

### PIHAK BERKUASA BERSAMA MALAYSIA-THAILAND

3. (1) Maka adalah dengan ini ditubuhkan suatu badan dengan nama Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand (yang disebut "Pihak Berkuasa Bersama" dalam Akta ini).

Penubuhan Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand.

(2) Pihak Berkuasa Bersama hendaklah mempunyai personaliti juristik dan hendaklah berdomisil di Malaysia dan Thailand.

(3) Pihak Berkuasa Bersama hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan dan, tertakluk kepada dan bagi maksud-maksud Akta ini, boleh membuat kontrak, dan boleh memperolehi, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan tak alih, tidak termasuk tanah, dan boleh memindahhkan, menyerahhkan, menyerahkan, menggadai, menggadaijanji, menyerahhkan semula, memindahmilik atau selainnya melupuskan, atau memperlakukan, apa-apa harta alih atau harta tak alih atau apa-apa kepentingan di dalamnya yang terletak pada Pihak Berkuasa Bersama mengikut apa-apa terma yang difikirkannya sesuai.

4. Pihak Berkuasa Bersama hendaklah mempunyai apa-apa kuasa dan melaksanakan apa-apa fungsi yang perlu bagi pelaksanaan tugas-tugasnya dan penikmatan hak-hak dan keistimewaan-keistimewaannya di bawah, dan setakat yang tidak tak konsisten dengan, Akta ini.

Kuasa-kuasa dan fungsi-fungsi Pihak Berkuasa Bersama.

5. Pihak Berkuasa Bersama dengan ini diletakhkan dengan dan memegang hak-hak, kuasa-kuasa, kebebasan-kebebasan dan keistimewaan-keistimewaan eksklusif untuk mencarigali dan mengeksplotasikan sumber-sumber alam, khususnya petroleum, dalam Kawasan Pembangunan Bersama.

Carigali dan eksploitasi sumber-sumber alam.

## BAHAGIAN III

## KAWASAN PEMBANGUNAN BERSAMA

Kawasan  
Pembangunan  
Bersama.

6. Kawasan Pembangunan Bersama hendaklah kawasan yang disempadani oleh garis-garis lurus yang menyambungkan titik-titik koordinat yang berikut:

- (A) U 6° 50'.0 T 102° 21'.2
- (B) U 7° 10'.25 T 102° 29'.0
- (C) U T 49'.0 T 103° 02'.5
- (D) U 7° 22'.0 T 103° 42'.5
- (E) U 7° 20'.0 T 103° 39'.0
- (F) U 7° 03'.0 T 103° 06'.0
- (G) U 6° 53'.0 T 102° 34'.0

dan yang ditunjukkan dalam bahagian yang relevan Carta Admiralti British No. 2414, Edisi 1967, yang reproduksinya adalah seperti dalam Jadual.

## BAHAGIAN IV

## ROYALTI

Royalti.

7. Pihak Berkuasa Bersama hendaklah membayar kepada setiap satu daripada Kerajaan-Kerajaan royalti sebanyak lima peratus daripada pengeluaran kasar petroleum, mengikut cara dan pada masa-masa yang ditetapkan melalui peraturan-peraturan.

## BAHAGIAN V

## PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KEWANGAN

Kos, faedah  
dan bayaran  
tahunan.

8. (1) Segala kos yang dilakukan dan faedah yang diperolehi oleh Pihak Berkuasa Bersama daripada aktiviti-aktiviti yang dijalankan di Kawasan Pembangunan Bersama hendaklah ditanggung dan dikongsi sama banyak oleh Kerajaan-Kerajaan.

(2) Sehingga suatu masa apabila Pihak Berkuasa Bersama mempunyai pendapatan yang cukup untuk membiayai perbelanjaan kendalian tahunannya, Kerajaan Malaysia hendaklah membayar kepada Kumpulan Wang apa-apa bayaran tahunan yang ditentukan mengikut Perjanjian tertakluk kepada bayaran-bayaran yang sama banyak dibuat oleh Kerajaan Thailand.

BAHAGIAN VI

KUMPULAN WANG PIHAK BERKUASA BERSAMA  
MALAYSIA-THAILAND

9. (1) Bagi maksud-maksud Akta ini dan Perjanjian, maka adalah dengan ini ditubuhkan suatu kumpulan wang yang dinamakan Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand (yang disebut "Kumpulan Wang" dalam Akta ini) yang hendaklah ditadbirkan dan dikawal oleh Pihak Berkuasa Bersama. Penubuhan  
Kumpulan  
Wang.

(2) Aset Kumpulan Wang hendaklah termasuk—

- (a) apa-apa sumbangan yang diberikan oleh Kerajaan-Kerajaan di bawah Perjanjian, dan yang disebut di bawah subseksyen (2) seksyen 8;
- (b) wang yang diperolehi melalui pengendalian apa-apa projek, skim atau perusahaan yang dibiayai daripada Kumpulan Wang;
- (c) wang yang diperolehi atau berbangkit daripada apa-apa harta, pelaburan, gadaijanji, atau gadaian yang diperolehi oleh atau terletak pada Pihak Berkuasa Bersama;
- (d) wang yang dipinjam oleh Pihak Berkuasa Bersama bagi maksud-maksud memenuhi mana-mana obligasinya atau menunaikan mana-mana kewajipannya; dan
- (e) apa-apa wang atau harta lain yang mungkin dengan apa-apa jua cara menjadi kena dibayar kepada atau terletak pada Pihak Berkuasa Bersama berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipannya.

10. Kumpulan Wang boleh digunakan untuk—

- (a) membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan oleh Pihak Berkuasa Bersama dalam melaksanakan fungsi-fungsinya dan menjalankan kuasa-kuasanya mengikut peruntukan-peruntukan belanjawan yang

Penggunaan  
Kumpulan  
Wang.

diluluskan dan tertakluk kepada mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen 15;

- (b) menjelaskan apa-apa wang yang dipinjam oleh Pihak Berkuasa Bersama di bawah perenggan (c) subseksyen (1) seksyen 12, termasuk bunga dan belanja-belanja lain yang bersampingan dengan pinjaman itu;
- (c) apa-apa pelaburan yang diputuskan oleh Pihak Berkuasa Bersama tertakluk kepada kelulusan Kerajaan-Kerajaan; dan
- (d) tertakluk kepada seksyen 11, pembayaran wang yang sama banyak amaunnya kepada Kerajaan-Kerajaan daripada pendapatan yang terakru kepada Pihak Berkuasa Bersama selepas ditolak perbelanjaan-perbelanjaan yang disebut dalam perenggan (a) dan (b) termasuk apa-apa perbelanjaan lain yang dipersetujui oleh Kerajaan-Kerajaan.

Kumpulan wangrizab.

11. Pihak Berkuasa Bersama hendaklah menubuhkan dan menguruskan suatu kumpulan wang rizab di dalam Kumpulan Wang mengikut apa-apa terma dan syarat yang diputuskan bersesama oleh Kerajaan-Kerajaan.

Sekatan atas urusan kewangan.

12. (1) Pihak Berkuasa Bersama tidak boleh, tanpa mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Kerajaan-Kerajaan—

- (a) memberikan bantuan kewangan kepada mana-mana syarikat, badan atau orang dengan mengambil syer-syer atau debentur-debentur atau dengan cara pinjaman, pendahuluan, pemberian atau selainnya;
- (b) membeli, mengunderait atau selainnya memperolehi apa-apa saham dan syer dalam mana-mana syarikat awam atau syarikat persendirian; atau
- (c) meminjam wang, atau membuat apa-apa jaminan atau tanggung rugi yang melibatkan liabiliti kewangan.

(2) Dalam memberikan apa-apa keizinan di bawah subseksyen (1) Kerajaan-Kerajaan boleh bersesama mengenakan apa-apa terma dan syarat yang difikirkan sesuai olehnya.

13. Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh ditafsirkan sebagai mewujudkan apa-apa jua pun tanggungjawab bagi Kerajaan Malaysia atau Kerajaan Thailand berkenaan dengan apa-apa liabiliti Pihak Berkuasa Bersama.

Liabiliti Pihak Berkuasa Bersama bukan tanggungjawab Kerajaan-Kerajaan.

## BAHAGIAN VII

### KONTRAK BAGI CARIGALI DAN EKSPLOITASI

14. (1) Walau apa pun peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain, tiada urusan mencarigali dan mengeksploitasikan apa-apa sumber alam, termasuk petroleum, boleh dijalankan di dalam Kawasan Pembangunan Bersama oleh mana-mana orang selain daripada Pihak Berkuasa Bersama melainkan jika ada berkenaan dengan mana-mana urusan itu suatu kontrak yang dibuat di antara Pihak Berkuasa Bersama dengan orang itu untuk mencarigali dan mengeksploitasikan sumber-sumber alam itu.

Larangan mencarigali atau mengeksploitasikan sumber-sumber alam tanpa kontrak.

(2) Sesuatu kontrak yang disebut di bawah subseksyen (1) hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan Kerajaan-Kerajaan.

(3) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan subseksyen (4), sesuatu kontrak yang disebut di bawah subseksyen (1) bagi maksud mencarigali dan mengeksploitasikan petroleum hendaklah suatu kontrak kongsi pengeluaran dan hendaklah mengandungi, antara lain, terma-terma dan syarat-syarat yang berikut:

(a) bagi maksud seksyen 7, amaun sebanyak sepuluh peratus daripada pengeluaran kasar petroleum hendaklah dibayar oleh kontraktor kepada Pihak Berkuasa Bersama sebagai royalti mengikut cara dan pada masa-masa yang dinyatakan dalam kontrak itu;

- (b) lima puluh peratus daripada pengeluaran kasar petroleum hendaklah digunakan oleh kontraktor bagi maksud mendapatkan kembali kos bagi pengendalian petroleum;
- (c) bahagian yang selebihnya daripada pengeluaran kasar petroleum itu, selepas dibuat potongan-potongan bagi maksud-maksud perenggan (a) dan (b), hendaklah disifatkan sebagai petroleum untung dan hendaklah dibahagikan sama banyak di antara Pihak Berkuasa Bersama dengan kontraktor;
- (d) kontrak itu hendaklah sah selama tempoh tidak melebihi tiga puluh lima tahun tetapi tidaklah boleh melebihi tempoh keesahan Perjanjian;
- (e) segala kos pengendalian petroleum hendaklah ditanggung oleh kontraktor dan boleh, tertakluk kepada perenggan (b), didapatkan kembali daripada pengeluaran;
- (f) amaun minimum yang hendaklah dibelanjakan oleh kontraktor bagi pengendalian petroleum di bawah kontrak sebagai komitmen minimum sebagaimana yang dipersetujui oleh Pihak Berkuasa Bersama dan kontraktor;
- (g) pembayaran ses penyelidikan oleh kontraktor kepada Pihak Berkuasa Bersama sebanyak satu perdua daripada satu peratus agregat bagi bahagian pengeluaran kasar yang digunakan bagi maksud mendapatkan kembali kos di bawah perenggan (b) dan bahagian petroleum untung untuk kontraktor di bawah perenggan (c) mengikut cara dan pada masa-masa yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Bersama, dengan syarat bahawa pembayaran itu tidak boleh didapatkan kembali daripada pengeluaran; dan
- (h) apa-apa pertikaian atau perselisihan yang berbangkit daripada atau berkaitan dengan kontrak yang tidak dapat diselesaikan secara terbaik-baik hendaklah dirujuk kepada timbangtara di hadapan suatu panel yang terdiri

daripada tiga orang penimbangtara, seorang penimbangtara hendaklah dilantik oleh setiap pihak, dan penimbangtara yang ketiga hendaklah dilantik bersesama oleh kedua-dua pihak itu. Jika pihak-pihak itu tidak dapat bersetuju dengan pemilihan penimbangtara yang ketiga itu dalam suatu tempoh yang ditentukan, maka penimbangtara yang ketiga itu hendaklah dilantik dengan membuat permohonan kepada Suruhanjaya Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Undang-Undang Perdagangan Antarabangsa (UNCITRAL). Prosiding timbangtara hendaklah dijalankan mengikut kaedah-kaedah UNCITRAL. Tempat timbangtara itu hendaklah sama ada Bangkok atau Kuala Lumpur, atau mana-mana tempat lain sebagaimana yang dipersetujui oleh pihak-pihak itu.

(4) Pihak Berkuasa Bersama boleh mengubah mana-mana amaun yang disebut dalam perenggan (b), (c) dan (g) subseksyen (3) berkenaan dengan apa-apa kontrak dengan kelulusan Kerajaan-Kerajaan:

Dengan syarat bahawa tidak boleh ada apa-apa perubahan mana-mana amaun ini berkenaan dengan kontrak yang ada tanpa persetujuan kontraktor.

(5) Bagi maksud-maksud seksyen ini, "pengeluaran kasar" berhubung dengan gas ertinya hasil kasar daripada penjualan gas.

## BAHAGIAN VIII

### PERATURAN-PERATURAN

15. Menteri boleh, dengan kelulusan Kerajaan-Kerajaan, membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan yang berikut:

Kuasa Menteri  
untuk  
membuat  
peraturan-  
peraturan.

- (a) pengelolaan atau penjalanan apa-apa perniagaan atau perkhidmatan yang berhubung dengan carigali dan eksploitasi sumber-sumber alam dalam Kawasan Pembangunan Bersama;

- (b) pembayaran apa-apa wang yang kena dibayar kepada Kerajaan-Kerajaan oleh Pihak Berkuasa Bersama di bawah seksyen 7 dan perenggan (d) seksyen 10;
- (c) terma-terma dan syarat-syarat perlantikan bagi, dan emolumen, elaun perjalanan dan elaun saraan hidup yang kena dibayar kepada, Pengerusi Bersama dan anggota-anggota lain Pihak Berkuasa Bersama;
- (d) prosedur pemberian tender dan award bagi mana-mana kontrak yang boleh dibuat di bawah seksyen 14, termasuk terma-terma dan syarat-syarat yang boleh dimasukkan ke dalam kontrak itu;
- (e) penyimpanan akaun-akaun yang patut dan rekod-rekod lain bagi transaksi-transaksi dan hal-ehwal Pihak Berkuasa Bersama mengikut prinsip-prinsip perakaunan yang umum diterima;
- (f) penyediaan penyata-penyata akaun tahunan dan, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, penguntungan keuntungan;
- (g) pengauditan akaun-akaun dan pengemukaannya selepas itu kepada Kerajaan-Kerajaan;
- (h) penyediaan dan pengemukaan belanjawan tahunan kepada Kerajaan-Kerajaan;
- (i) standard-standard bagi carigali dan eksploitasi petroleum dalam Kawasan Pembangunan Bersama; dan
- (j) apa-apa perkara lain bagi maksud-maksud menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Akta ini:

Dengan syarat bahawa berkenaan dengan perkara-perkara yang disebut di bawah perenggan (a), (d), (e), (f), (g), (h) dan (i), peraturan-peraturan sedemikian boleh dibuat selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Bersama.

BAHAGIAN IX

PEGAWAI-PEGAWAI DAN BIDANG KUASA  
MAHKAMAH-MAHKAMAH

16. Mana-mana anggota Pihak Berkuasa Bersama atau mana-mana pegawai, pengkhidmat atau ejen Pihak Berkuasa Bersama hendaklah disifatkan sebagai pengkhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan. Pengkhidmat awam.  
*N.M.B. Bab 45.*

17. (1) Walau apa pun apa-apajua yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis lain yang berlawanan, Mahkamah Sesyen hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya dan, apabila disabitkan, untuk mengenakan penalti penuh yang ditetapkan baginya. Bidang kuasa Mahkamah.

(2) Bagi maksud menjalankan bidang kuasa ke atas apa-apa kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen 15, subseksyen (2), dan perenggan (b) dan (d) subseksyen (6), seksyen 18 hendaklah terpakai.

BAHAGIAN X

BIDANG KUASA

18. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2) dan (3), Malaysia hendaklah terus mempunyai dan menjalankan bidang kuasa ke atas Kawasan Pembangunan Bersama. Bidang kuasa ke atas Kawasan Pembangunan Bersama.

(2) Bidang kuasa sivil dan jenayah—

(a) Malaysia dalam Kawasan Pembangunan Bersama hendaklah meliputi kawasan yang disempadani oleh garis-garis lurus yang menyambungkan titik-titik koordinat yang berikut:

- (A) U 6° 50'.0 T 102° 21'.2
- (X) U 7 35'.0 T 103° 23'.0
- (D) U 7 22'.0 T 103° 42'.5
- (E) U 7° 20'.0 T 103° 39'.0
- (F) U 7° 03'.0 T 103° 06'.0
- (G) U 6° 53'.0 T 102° 34'.0; dan

(b) Thailand dalam Kawasan Pembangunan Bersama hendaklah meliputi kawasan yang disempadani oleh garis-garis lurus yang menyambungkan titik-titik koordinat yang berikut:

(A)  $U 6^{\circ} 50'.0$  T  $102^{\circ} 21'.2$

(B)  $U 7^{\circ} 10'.25$  T  $102^{\circ} 29'.0$

(C)  $U 7^{\circ} 49'.0$  T  $103^{\circ} 02'.5$

(X)  $U 7^{\circ} 35'.0$  T  $103^{\circ} 23'.0$

(3) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh dengan apa-apa jua cara menyentuh hak-hak kedaulatan Malaysia ke atas Kawasan Pembangunan Bersama, dan apa-apa penepian bidang kuasa di bawah seksyen ini tidaklah mempunyai apa-apa kuatkuasa dan kesan melampaui tempoh keesahan Perjanjian.

(4) Keizinan oleh Malaysia bagi penjalanan bidang kuasa sivil dan jenayah oleh Thailand di bawah perenggan (b) subseksyen (2) dan penjalanan berterusan bidang kuasa ke atas perkara-perkara yang berhubungan dengan kastam dan eksais, dan pencukaian, dalam Kawasan Pembangunan Bersama adalah dengan syarat terdapat pengiktirafan bersaling akan hak-hak Malaysia di bawah perenggan (a) subseksyen (2).

(5) Apa-apa bidang kuasa yang diletakhakkan pada Malaysia atau Thailand di bawah seksyen ini berkenaan dengan Kawasan Pembangunan Bersama hanyalah ke atas perkara-perkara dan setakat yang diperuntukkan dalam mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pelantar benua dan sebagaimana yang diiktiraf di bawah undang-undang antarabangsa sahaja.

(6) Bagi maksud seksyen ini—

- (a) "bidang kuasa sivil dan jenayah" tidaklah termasuk bidang kuasa ke atas perkara-perkara yang berhubungan dengan kastam dan eksais, dan pencukaian;
- (b) bidang kuasa jenayah ke atas sesuatu kesalahan yang dilakukan di atas platform atau

pepasangan yang mencelapaki garis pembahagi bidang kuasa dan yang dibina bagi maksud-maksud mencarigali dan mengeksploitasikan sumber-sumber alam di dasar laut dan tanah bawah dalam Kawasan Pembangunan Bersama hendaklah dipegang secara eksklusif oleh Malaysia atau Thailand mengikut penetapan platform atau pemasangan itu sebagai kepunyaan Malaysia atau Thailand;

- (c) pemutusan sama ada sesuatu platform atau pemasangan yang mencelapaki garis pembahagi bidang kuasa dan yang dibina bagi maksud-maksud mencarigali dan mengeksploitasikan sumber-sumber alam di dasar laut dan tanah bawah dalam Kawasan Pembangunan Bersama ialah sebahagian daripada Malaysia atau Thailand berhubungan dengan apa-apa soalan yang hendak diputuskan dalam mana-mana prosiding sivil atau bagi maksud pemegang atau penjalanan bidang kuasa sivil oleh Malaysia atau Thailand hendaklah mengikut penetapan platform atau pemasangan itu sebagai kepunyaan Malaysia atau Thailand; dan
- (d) penetapan sesuatu platform atau pemasangan sebagai kepunyaan Malaysia atau Thailand di bawah perenggan (b) dan (c) hendaklah diputuskan mengikut prinsip tempat letak paling substansial.

## BAHAGIAN XI

### HAK-HAK DI PERAIRAN SUPERJASEN

19. Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh dengan apa-apa jua cara mengawalselia, atau menyentuh apa-apa tuntutan berkenaan dengan, apa-apa hak, kebebasan dan keistimewaan, termasuk tetapi tidak terhad kepada hak, kebebasan dan keistimewaan yang berhubungan dengan perikanan, yang mungkin ada pada Malaysia atau Thailand ke atas perairan superjasean dalam Kawasan Pembangunan Bersama menurut kuasa Perkara IV Memorandum Persefahaman, 1979.

Hak, kebebasan atau keistimewaan di perairan superjasean.

## BAHAGIAN XII

## KESALAHAN-KESALAHAN DAN PENALTI-PENALTI

Pelanggaran subseksyen (1) seksyen 14.

20. Tertakluk kepada seksyen 22, mana-mana orang, termasuk pengarah atau pegawai sesuatu pertubuhan perbadanan, yang bertindak dengan melanggar peruntukan subseksyen (1) seksyen 14 adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau kedua-duanya, dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, boleh dikenakan denda tambahan tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari atau sebahagian daripada sehari kesalahan itu berterusan selepas hari pertama yang berkenaan dengannya sabitan itu direkodkan; dan apa-apa jentera, perkakas, loji, bangunan dan harta atau benda lain yang digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan dalam melakukan kesalahan itu boleh dikenakan lucuthak.

Kesalahan-kesalahan lain

21. Tertakluk kepada seksyen 20 dan 22, mana-mana orang, termasuk pengarah atau pegawai sesuatu pertubuhan perbadanan, yang bertindak dengan melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau peraturan yang dibuat di bawah seksyen 15 adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau kedua-duanya, dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, boleh dikenakan denda tambahan tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap hari atau sebahagian daripada sehari kesalahan itu berterusan selepas hari pertama yang berkenaan dengannya sabitan itu direkodkan.

Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan.

22. Jika seseorang yang disabitkan berkenaan dengan apa-apa kesalahan yang disebut di bawah seksyen 20 atau 21 ialah suatu pertubuhan perbadanan, ia hanya boleh dikenakan apa-apa denda yang diperuntukkan di dalam seksyen 20 atau 21 itu.

23. Jika seseorang yang dipertuduh atas suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen 15 ialah suatu pertubuhan perbadanan, tiap-tiap orang yang, pada masa kesalahan itu dilakukan, ialah pengarah atau pegawai pertubuhan perbadanan itu boleh dipertuduh bersesama dalam prosiding yang sama dengan pertubuhan perbadanan itu, dan jika pertubuhan perbadanan itu disabitkan atas kesalahan yang dipertuduhkan, maka tiap-tiap pengarah atau pegawai itu hendaklah disifatkan bersalah atas kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya atau bahawa dia telah mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mencegah pelakuan kesalahan itu.

Pengarah dan pegawai pertubuhan perbadanan boleh dipertuduh bersesama dengan pertubuhan perbadanan.

24. Mana-mana orang yang akan boleh dikenakan apa-apa penalti di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen 15 kerana apa-apa jua perkara yang dilakukan atau ditinggalkan sekiranya perkara itu telah dilakukan atau ditinggalkan olehnya sendiri, boleh dikenakan penalti yang sama jika perkara itu telah dilakukan atau ditinggalkan oleh ejennya, melainkan jika dia membuktikan bahawa dia telah mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mencegah pelakuan atau peninggalan perkara itu.

Penalti bagi kesalahan kerana apa-apa jua perkara yang dilakukan atau ditinggalkan oleh ejen.

### BAHAGIAN XIII

#### AM

25. Jika mana-mana peruntukan Akta ini adalah bercanggahan atau tak konsisten dengan mana-mana peruntukan dalam mana-mana undang-undang lain, peruntukan Akta ini hendaklah mengatasi peruntukan undang-undang lain itu.

Akta ini mengatasi undang-undang lain.

26. Menteri hendaklah mempunyai penguasaan dan pengawalan ke atas pelaksanaan Akta ini dan mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen 15, dan hendaklah mempunyai kuasa untuk melantik pegawai-pegawai bagi pelaksanaannya.

Penguasaan dan pengawalan pelaksanaan Akta ini



HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan memberikan kuatkuasa kepada perjanjian tentang penubuhan dan pengendalian Pihak Berkuasa Bersama Malaysia Thailand dalam kawasan tertentu di pelantar benua Malaysia dan Thailand di Teluk Siam.

2. Bahagian I memperkatakan perkara-perkara permulaan. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang mula berkuatkuasanya Akta yang dicadangkan ini. *Fasal 2* mengandungi takrif istilah-istilah dan ungkapan-ungkapan tertentu yang digunakan dalam Rang Undang-Undang ini.

3. Bahagian II mengandungi peruntukan-peruntukan yang berhubung dengan penubuhan Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand dan kuasa-kuasa dan fungsi-fungsi Pihak Berkuasa tersebut.

4. Bahagian III menentukan Kawasan Pembangunan Bersama yang ialah sebahagian daripada pelantar benua Malaysia dan Thailand di Teluk Siam.

5. Bahagian IV membuat peruntukan tentang pembayaran royalti kepada Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Thailand berkenaan dengan petroleum yang diperolehi dari Kawasan Pembangunan Bersama.

6. Bahagian V memperkatakan peruntukan-peruntukan kewangan yang menurutnya segala kos yang dilakukan dan faedah yang diperolehi oleh Pihak Berkuasa Bersama daripada aktiviti-aktiviti yang dijalankan di Kawasan Pembangunan Bersama hendaklah ditanggung dan dikongsi sama banyak oleh Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Thailand. Ia memperuntukkan selanjutnya bahawa kedua-dua Kerajaan hendaklah terus memberikan sumbangan yang sama banyak sehingga Pihak Berkuasa Bersama berupaya membiayai perbelanjaan pengendalian tahunannya.

7. Bahagian VI membuat peruntukan bagi penubuhan Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand.

*Fasal 9* menyatakan aset-aset yang hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang dan *fasal 10* menentukan perkara-perkara yang baginya Kumpulan Wang boleh digunakan. *Fasal 11* bertujuan menghendaki Pihak Berkuasa Bersama menubuhkan suatu kumpulan wang rizab dalam Kumpulan Wang. *Fasal 12* bertujuan mengawalselia kuasa Pihak Berkuasa Bersama berkenaan dengan pemberian bantuan kewangan kepada mana-mana syarikat, badan atau orang, pembelian, pengunderaitan atau pemerolehan selainnya apa-apa saham dan syer atau peminjaman wang atau pembuatan apa-apa gerenti atau tanggung rugi yang melibatkan liabiliti kewangan.

8. Bahagian VII memperkatakan kontrak bagi carigali dan eksploitasi sumber-sumber alam, termasuk petroleum, di Kawasan Pembangunan Bersama.

*Fasal 14* memperuntukkan bahawa kontrak bagi maksud cari-gali dan eksploitasi petroleum hendaklah kontrak kongsi pengeluaran dan ia juga menyatakan terma-terma dan syarat-syarat yang hendaklah dimasukkan ke dalam kontrak tersebut.

9. Bahagian VIII bertujuan memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan yang berhubungan dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di Kawasan Pembangunan Bersama, pembayaran wang yang kena dibayar kepada Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Thailand dan perkara-perkara pengendalian Pihak Berkuasa Bersama itu.

10. Bahagian IX membuat peruntukan bagi perkara-perkara yang mengenai pegawai-pegawai dan bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah.

11. Bahagian X membuat peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan bidang kuasa Malaysia dan Thailand di Kawasan Pembangunan Bersama.

*Fasal 18* menentukan bidang kuasa sivil dan jenayah masing-masingnya bagi Malaysia dan Thailand di Kawasan Pembangunan Bersama. Ia juga memperuntukkan bahawa Akta yang dicadangkan ini tidaklah menyentuh hak-hak kedaulatan Malaysia ke atas Kawasan itu dan bahawabidang kuasa yang terletak pada Malaysia dan Thailand hanyalah ke atas perkara-perkara yang diperuntukkan dalam mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pelantar benua dan sebagaimana yang diiktiraf di bawah undang-undang antarabangsa.

12. Bahagian IX menentukan hak-hak Malaysia dan Kerajaan Thailand ke atas perairan superjasean Kawasan Pembangunan Bersama.

13. Bahagian XII menyatakan peruntukan-peruntukan yang berhubungan dengan kesalahan-kesalahan dan penalti-penalti.

14. Bahagian XIII mengandungi peruntukan-peruntukan am.

#### IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini. [PN. (U<sup>2</sup>) 1624.]